

PENANTIAN UUM BERAKHIR

HM 316108 51:1

PENANTIAN selama 21 tahun Universiti Utara Malaysia (UUM) menjadi kenyataan apabila menjuarai acara badminton Kejuaraan Staf Antar Universiti Malaysia ke-30 di Universiti Malaya (UM) baru-baru ini.

Kehebatan beregu UUM itu terserlah apabila berjaya menewaskan musuh tradisi dan juga juara tiga tahun berturut-turut sejak 2002, Universiti Teknologi Mara (UTM) 4-1.

Kejayaan itu ibarat hadiah besar buat UUM.

Beregu UUM memulakan cabaran di pusingan awal tanpa menghadapi masalah menewaskan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) 6-1 dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 4-3 pada pe-

ringkat kumpulan.

Mereka mara ke suku akhir dan menyingkirkan Universiti Sains Malaysia (USM) 4-1 sebelum bertemu Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) di separuh akhir dengan kemenangan 4-1 untuk layak ke final.

Pengurus yang juga ketua juratih badminton campiran, Nor Azli Abdul Aziz kini mampu tersenyum kerana usaha selama empat tahun membentuk program latihan, akhirnya berbaloi.

Menurut Nor Azli, kemenangan kali ini memberi dorongan dan keyakinan kepada semua pemain untuk terus berusaha mengungguli acara itu pada masa akan datang.

"Pasukan perlu diperkuatkan lagi dengan berusaha

mengurangkan kelemahan serta mempertingkatkan latihan menghadapi cabaran akan datang," katanya.

Barisan pemain yang mengharumkan nama UUM adalah Amizul Amat (ketua pasukan), Abdul Halim @ Hamilton Ahmad, Azizah, Fairul Ezuan Mohd Rodzi, Fairul Haizal Ramli, Mohd Puad Mhd Nor, Mohamad Nizwan Awang, Shukhairy Kamaruzaman, Sabirah Md. Isa, Hilmiyah Ismail, Norsila Ellias dan Sartina Saifan.

BANGGA... Nor Azli Abdul Aziz (dua dari kiri) menunjukkan piala pusingan kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UUM, Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ahmad (kiri sekali).

